

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **Lisan**
- DARIPADA** : **Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary**
[Bachok]
- TARIKH** : **17 Oktober 2016 (Isnin)**
- SOALAN** : **Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary**
[Bachok] minta **MENTERI**
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan 10 pokok buah
yang paling berpotensi untuk ditanam
oleh rakyat Malaysia bagi menjana
pendapatan. Apakah usaha, galakan
dan insentif serta bantuan yang
diberikan oleh kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sepuluh pokok buah yang paling berpotensi untuk ditanam oleh rakyat Malaysia bagi menjana pendapatan serta telah dikenalpasti untuk diberi tumpuan oleh Jawatankuasa Induk *Food and Agro Council for Export (FACE)*, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah :

- 1) Nanas
- 2) Belimbing
- 3) Betik
- 4) Nangka
- 5) Pisang
- 6) Jambu batu
- 7) Tembikai
- 8) Durian
- 9) Manggis
- 10) Rambutan

Dalam RMKe-11 (2016-2020), kerajaan telah menyediakan beberapa bantuan dan insentif bagi menggalakkan tanaman buah-buahan tersebut seperti berikut :

- 1)Projek Tanam Semula Buah-Buahan Terpilih - dengan anggaran peruntukan sebanyak RM50 juta;
- 2)Pembangunan Kluster Buah – Betik - dengan anggaran peruntukan sebanyak RM10 juta;
- 3)Pembangunan Kluster Buah – Rambutan - dengan anggaran peruntukan sebanyak RM5 juta;
- 4)Pembangunan Kluster Buah – Durian - dengan anggaran peruntukan sebanyak RM25 juta;
- 5)Pembangunan Kluster Buah – Pisang - dengan anggaran peruntukan sebanyak RM15 juta;
- 6)Pembangunan Kluster Buah – Tembikai - dengan anggaran peruntukan sebanyak RM10 juta;
- 7)Pembangunan Kluster Buah - Harumanis - dengan anggaran peruntukan sebanyak RM4 juta; dan
- 8)Projek NKEA Agriculture (#EPP7) *Premium Market For Fruits and Vegetables* - dengan anggaran peruntukan sebanyak RM85 juta.

Bantuan yang diberikan oleh Kementerian melalui Jabatan Pertanian (DOA) adalah dalam bentuk input peralatan kecil pertanian dan infrastruktur ladang manakala FAMA melalui Program Ladang Kontrak, menyediakan perkhidmatan sokongan lain seperti seperti Jaminan Pasaran, Sokongan Harga Lantai, Pengaturan Pasaran, Khidmat Sokongan Pemasaran, Kursus dan Latihan.